

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 OGOS 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Evenesis perisian tempatan diberi sentuhan global	Berita Harian
2.	SIRIM: Syarikat perlu bangunkan standard	Utusan Malaysia
3.	Puting beliung tidak sekuat di Amerika	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH : 20 OKTOBER 2014 (ISNIN)**



Evenesia perisian tempatan diberi sentuhan global

» Suami isteri bangunkan produk penuhi kehendak pasaran

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Sudah beberapa kali penulis mendengar nama Evenesia disebut-sebut antara perisian pengurusan acara terbaik dan paling popular dalam kalangan pengurus acara sama ada di dalam maupun luar negara.

Malah, penggunaan Evenesia turut disyorkan penulis blog terkenal di luar negara dalam penulisan mereka yang rata-rata berpuas hati dengan perisian berplatform perkomputeran awan itu.

Secara keseluruhannya, Evenesia dibangunkan untuk memberi kemudahan dan kelancaran kepada perancang dan pengendali acara dari sekoci-kecil acara seperti majlis perkahwinan dan acara korporat sehingga acara mega seperti pameran atau persidangan.

Namun, tidak ramai yang mengetahui perisian itu sebenarnya hasil buatan Malaysia yang dibangunkan oleh seorang jurutera perisian Bumiputera, Yusno Yunos, yang kini menerajui Y Us Sdn Bhd sebagai Pengasas dan Ketua Eksekutif.

Mungkin kerana ciri yang ada dalam Evenesia seperti harga perisian ditawarkan dalam mata wang dolar Amerika Syarikat (AS\$) serta paparan antara muka yang profesional berjaya menjadi bayangan kepada sebuah syarikat global.

Hasil maklumat seorang pembangun perisian tempatan yang

kini bekerja dengan beliau, penulis berjaya menemui pemuda berusia 34 tahun itu yang menjadikan Taman Teknologi Malaysia (TPM) Bukit Jalil sebagai pusat operasi Y Us.

"Tak pernah dalam perancangan hidup saya pun untuk buka syarikat sendiri, tapi saya dapat idea itu daripada perisian kecil yang saya bangunkan secara sambilan ketika bekerja."

"Idea itu datang masa saya nak berkahwin kerana saya melihat semua masalah yang dihadapi untuk mengurusan acara seperti menghantar jemputan, atur cara dan susun atur meja.

"Dari situ yang saya bangunkan perisian untuk bantu pengurus majlis perkahwinan saji dulu dan saya berikan kawan untuk mencuba," kata Yusno menceritakan permulaan Y Us yang meraih jualan RM1 juta pada tahun lalu.

Mohon geran MDEC

Katanya, beliau kemudian mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan memfokuskan usaha bagi mengembangkan idea pembangunan perisian itu dengan memohon geran daripada Multimedia Development Corporation (MDEC).

Beliau yang juga graduan dari AS akhirnya menjadi sebilangan kecil usahawan memperoleh bantuan MDEC pada tahun terbabit apabila menerima geran berjumlah RM150,000.

"Geran ini membantu saya membuka perniagaan Y Us pada tahun 2010 bersama isteri kerana beliau juga memiliki latar belakang pendidikan teknologi maklumat (IT).

"Secara umumnya, kemahiran saya dan isteri saling melengk-

pi kerana saya memiliki latar belakang Kejuruteraan Pengurusan Perisian dan isteri pula latar belakang rekaan dan multimedia, inilah yang memberikan sentuhan global pada evenesia seperti hari ini," katanya.

Evenesia menyediakan perisian secara automasi untuk membantu menjayakan sesbuah acara dengan menyediakan pangkalan data untuk promosi, jemputan, memeriksa penghantaran jemputan menerusi SMS atau e-mel, pendaftaran lengkap dengan penyediaan tiket, dan semua berkaitan teknologi untuk pelaksanaan acara.

Katanya, Evenesia yang dilancarkan pada tahun 2011, kini memiliki pelbagai peringkat pelanggan daripada orang awam, korporat hingga syarikat multinasional dengan majoritinya di Malaysia dan Singapura.

Bahkan, syarikat itu juga melancarkan satu lagi produk perisian inovatif yang dikenali Venueville pada bulan Mei lalu, khusus kepada

“Alhamdulillah, tahun pertama kami lancarkan Evenesia, kami dah berjaya mendapat pulangan pelaburan kami, dan tahun lalu jualan kami berjaya mencapai RM1 juta. Bagi tahun ini, kami yakin dalam landasan tepat untuk mencapai jualan RM2 juta.

Yusno Yunos,
Pengasas dan
Ketua Eksekutif Y Us Sdn Bhd

pelanggan yang memiliki tempat untuk penganjuran acara supaya dapat dikumpulkan dalam satu platform dan dipadankan dengan pihak yang ingin mengajurkan acara.

"Ia memudahkan mereka mencari tempat menarik dan unik untuk penganjuran acara, jadi apa yang kami lakukan ini menjadikan kami sebagai perintis di Malaysia, malah di luar negara juga hanya sebilangan kecil saja yang menyediakan platform seperti ini."

"Alhamdulillah, tahun pertama kami lancarkan Evenesia, kami dah berjaya mendapat pulangan pelaburan kami, dan tahun lalu jualan kami berjaya mencapai RM1 juta. Bagi tahun ini, kami yakin dalam landasan tepat untuk mencapai jualan RM2 juta.

"Sumbangan keuntungan adalah daripada hasil jualan perisian yang mana kami sediakan dua paket iaitu bayaran bagi satu acara yang dianjurkan atau pelanggan boleh membeli paket setahun jika mereka memiliki pengajuran acara yang banyak, kosnya pula antara RM3,000 hingga RM10,000," katanya.

Antara pengguna utama perisian ini di Malaysia adalah CIMB Bank Bhd, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Sekretariat Tahun Melawat Malaysia.

Cabarani perniagaan

Mengulas cabaran sepanjang pembabitan dalam perniagaan, Yusno berkata, cabaran terbesar adalah kesukaran untuk mencari model perniagaan dan pemasaran yang tepat untuk perisian evenesia ketika ia mula dilancarkan.

Katanya, kesukaran mendapatkan pelanggan dan menjual produk menyebabkan beliau mengkaji kembali model perniagaan dan menyusuaikan perisian itu mengikut kehendak pasaran.

"Kita ingat lepas bergelut bahagian perisian dan kita boleh letak harga, tapi ramai yang kata harga kita mahal. Jadi, kami terpaksa ubah model perniagaan itu beberapa kali untuk memahami model perniagaan yang tepat.

"Kami bersyukur sepanjang syarikat ini bertambah, banyak bantuan dan bimbingan diberikan oleh kerajaan. Ia bermula dengan MDEC dan terbaru Cradle Fund Sdn Bhd yang menyediakan dana untuk komersial sehingga perisian kami berjaya mendapat tempat di mata dunia," katanya.



SIRIM: Syarikat perlu bangunkan standard

■ KUALA LUMPUR 19 OKT.

SIRIM Berhad menyarankan syarikat-syarikat, persatuan pengusaha atau industri yang mahu meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka untuk memasuki pasaran lebih besar, agar membangunkan standard industri sendiri.

Pengurus Besar Kanan Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Standard SIRIM, Abdul Aziz Long berkata, standard semakin menjadi pilihan utama bagi syarikat-syarikat perniagaan yang mahu memberikan impak yang positif dan berkekalan di pasaran.

"Standard industri penting kerana ia memberi definisi kepada keperluan minimum yang diperlukan bagi menjaga kualiti dalam pelbagai industri. Ia juga menjadi penanda aras bagi syarikat-syarikat ini untuk terus memajukan perniagaan," katanya.

Biar pun kos menjadi halangan utama bagi syarikat-syarikat tempatan, terutama perusahaan kecil dan sederhana untuk melaksanakan standard dalam operasi harian mereka, syarikat perlu menganggapnya sebagai satu perkembangan positif.

"Selain meningkatkan tahap kecekapan syarikat dengan menetapkan garis panduan kualiti dan meminimumkan percanggahan, standard akan menjadi dokumen bersama yang menggalakkan kesamaan dan membantu komunikasi yang betul antara kakitangan dalam sebuah syarikat, syarikat dengan vendor, serta syarikat dengan pelanggan," katanya.

Menurutnya, standard industri juga adalah satu kaedah untuk mengenal pasti dan seterusnya menghapuskan syarikat-syarikat yang bermula dengan cara singkat untuk mendapat keuntungan tanpa mengambil kira isu kesihatan dan keselamatan.

Abdul Aziz berkata, standard in-



SIRIM



SIRIM telah membantu membangunkan standard bagi pelbagai industri antaranya standard bagi ikan Arowana, penjejakan sarang burung dan standard kebersihan surau dan masjid. - GAMBAR HIASAN



ABDUL AZIZ LONG

dustri SIRIM dibangunkan apabila mana-mana syarikat atau persatuan yang berhasrat untuk mewujudkan standard bagi produk atau perkhidmatan.

"SIRIM akan mengumpulkan semua pakar industri berkenaan, seterusnya membuat draf dan membangunkan standard itu. Draf standard akan dikaji oleh sebuah jawatankuasa pakar dan kemudian diserahkan kepada pemegang kepentingan untuk maklum balas," katanya.

Sehingga kini, SIRIM telah membangunkan standard untuk pelbagai industri antaranya standard industri untuk ikan Arowana, penjejakan sarang burung, dan yang terbaru standard kebersihan bagi tandas surau dan masjid.

Menurut Abdul Aziz, dengan pengalaman luas selama hampir 50 tahun membangunkan standard, SIRIM mempunyai kepakaran teknikal dalam sendiri.

"SIRIM mematuhi garis panduan dengan ketat, dan penyelidikan menyeluruh dilakukan sebelum kami membangunkan sesuatu standard industri."

Sekiranya lebih banyak syarikat yang mengamalkan standard yang baik, mereka akan mendapat manfaat begitu juga dengan pelanggan, industri dan akhirnya negara kita sendiri," katanya.

Abdul Aziz berkata, standard industri juga dapat membantu mengurangkan kerugian dan salah tafsir maklumat.

"Kakitangan syarikat datang dan pergi. Standard adalah pengalaman syarikat yang diletakkan dalam suatu format berstruktur dan memastikan maklumat penting terus dikekalkan dan diamalkan, tidak kiralah siapa yang bertugas pada masa itu," katanya.

Putting beliung tidak sekuat di Amerika

» Kejadian di negara kita tidak berkesan, kerosakan teruk

Oleh M Hifzuddin Ihsan
hifzuddin@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kekuatan dan kelajuan putting beliung yang melanda negara pada masa ini belum mencapai tahap seperti di Amerika Syarikat yang menyebabkan kerosakan teruk.

Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena itu bukan sesuatu yang luar biasa

kerana hujan lebat dan ribut pernah berlaku setiap kali peralihan Monsun Barat Daya.

Katanya, putting beliung berlaku apabila wap panas dari bumi yang disebabkan oleh terik matahari, naik ke atmosfera dan membentuk gumpalan awan tebal yang menyebabkan hujan lebat serta tiupan angin kencang terutama di kawasan lapang.

Boleh sebabkan banjir

"Berdasarkan ramalan, cuaca buruk ini akan berlarutan hingga pertengahan bulan depan sebelum kita memasuki Monsun Timur Laut yang boleh menyebabkan banjir di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

"Fenomena putting beliung sudah biasa berlaku di laut dan darat negara ini, cuma apabila semakin ramai pihak memiliki alat yang cepat me-

nyebarkannya, ia seolah-olah menjadi perkara luar biasa," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan kajian, kekerapan kejadian putting beliung di negara ini boleh dikaitkan dengan isu pemanasan global yang menyebabkan bumi bertambah panas hingga mengakibatkan pertambahan udara panas ke atmosfera dan menggalakkan pembentukan awan ribut petir.

Pemanasan global

Che Gayah berkata, kejadian putting beliung di negara ini berlaku dalam tempoh singkat menyebabkan pihaknya sukar mengukur kekuatan serta kelajuan angin kerana peralatan terabbat hanya berada di stesen kaji cuaca.

"Dalam kes putting beliung di Pendang, stesen (meteor-

“Fenomena putting beliung sudah biasa berlaku di laut dan darat negara ini, cuma apabila semakin ramai pihak memiliki alat yang cepat menyebarkannya, ia seolah-olah menjadi perkara luar biasa”

**Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
Meteorologi Malaysia**

ologi) di Alor Setar tidak merekodkan bacaan peningkatan kelajuan angin kerana cuaca di situ (stesen) adalah baik dan kejadian itu berlaku dalam tempoh masa singkat.

"Radar meteorologi kita mampu meramalkan putting beliung antara satu ke dua jam lebih awal serta boleh mengeluarkan amaran awal kepada orang ramai tetapi kita tidak boleh mengatakan secara tepat di mana putting beliung akan berlaku," katanya.